

**Najib Ambil Alih Tugas Sharizat  
Bernama  
7 April, 2012**

KUALA LUMPUR, April 7 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan hari ini bahawa beliau akan memangku jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Ia berikutan pengumuman Datuk Seri Sharizat Abdul Jalil untuk melepaskan jawatannya dalam kabinet apabila tempoh perkhidmatannya sebagai Senator untuk penggal pertama tamat pada 8 April berikutan kes NFCorp yang melibatkan keluarganya.

Najib mengumumkan perkara itu pada satu majlis di Temerloh, Pahang hari ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657646>